



UNTUK SIARAN
SEGERA

KENYATAAN MEDIA

KELULUSAN PELAN PEMULIHAN LCS OLEH KABINET MELINDUNGI DANA LTAT DARI KESAN DOMINO KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 21 April 2022: Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) menyambut baik keputusan Kabinet dalam meluluskan Pelan Pemulihan Projek LCS yang secara langsung dapat melindungi dana daripada impak negatif akibat menanggung kerugian jika projek itu tidak dipulihkan segera.

Ketua Eksekutifnya, Dato' Nazim Rahman mengesahkan, "Sekiranya projek ini gagal diteruskan, kesan domino kewangan yang akan berlaku boleh mengakibatkan rosot nilai sehingga RM2.1 bilion iaitu 21 peratus daripada keseluruhan jumlah dana persaraan yang diuruskan LTAT. Jika ini berlaku, LTAT tidak akan berupaya untuk terus memberikan pulangan kepada pencarum untuk sekurang-kurangnya enam (6) tahun akan datang."

LTAT terdedah kepada potensi kerugian yang besar menerusi pegangan majoritinya dalam Boustead Holdings Berhad (BHB) sebanyak 59.4 peratus dan 61 peratus pegangan efektif dalam syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS).

Kelulusan Kabinet ke atas pelan pemulihan projek LCS ini secara langsung telah mengelakkan 'malapetaka' kewangan kepada LTAT dan membolehkan LTAT terus memberi fokus kepada pemeliharaan modal dan peningkatan nilai dalam jangka panjang bagi memastikan kedudukan kewangan LTAT terus berada pada tahap yang baik. Ini sudah pasti akan membolehkan LTAT memberi pulangan mampan dan kompetitif kepada pencarumnya yang merupakan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Langkah proaktif LTAT, bersama Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, TLDM serta Jawatankuasa Khas Kabinet bagi mencari jalan penyelesaian agar projek tersebut diteruskan telah mengambil kira kesemua aspek termasuk implikasi kewangan kepada kerajaan serta kaedah meningkatkan tadbir urus untuk menjamin kesemua kapal LCS akan disiapkan mengikut garis masa yang ditetapkan.

LTAT terus komited untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam memastikan pelan pemulihan ini dapat direalisasikan demi kepentingan strategik negara.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

21 APRIL 2022